

CATEGORIES OF SOPHISTICATED INVESTORS

Category of Investors	Definition
A. Accredited investors <i>Pelabur Sofistikated</i>	1. A unit trust scheme, private retirement scheme or prescribed investment scheme. <i>Skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan yang ditetapkan.</i> 2. Bank Negara. <i>Bank Negara.</i> 3. A licensed person or a registered person. <i>Seorang pemegang lesen atau seorang yang berdaftar.</i> 4. An exchange holding company, a stock exchange, a derivatives exchange, an approved clearing house, a central depository or a recognized market operator. <i>Syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, rumah penjelasan yang diluluskan, pusat depository atau pengendali pasaran yang diiktiraf.</i> 5. A corporation that is licensed, registered or approved to carry on any regulated activity or capital market services by an authority in Labuan or outside Malaysia which exercises functions corresponding to the functions of the Securities Commission. <i>Sebuah syarikat yang berlesen, berdaftar atau diluluskan untuk menjalankan aktiviti yang dibenarkan atau perkhidmatan pasaran modal oleh pihak berkuasa di Labuan atau di luar Malaysia yang menjalankan fungsi bersesuaian dengan fungsi Securities Commission.</i> 6. A bank licensee or an insurance licensee as defined under the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704]. <i>Pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704].</i> 7. An Islamic bank licensee or a takaful licensee as defined under the Labuan Islamic Financial Services and Securities Act 2010 [Act 705]. <i>Pemegang lesen bank Islam atau pemegang lesen takaful sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705].</i> 8. A chief executive officer or a director of any person referred to in subparagraphs 3, 4, 5, 6 and 7 above. <i>Ketua pegawai eksekutif atau pengarah mana-mana orang yang dirujuk dalam subperenggan 3, 4, 5, 6 and 7 di atas.</i> 9. A closed-end fund approved by the Securities Commission. <i>Dana tertutup yang diluluskan oleh Securities Commission.</i>

Category of Investors	Definition
B. High-net worth entities <i>Entiti Bernilai Bersih Tinggi</i>	10. A company that is registered as a trust company under the Trust Companies Act 1949 and has assets under its management exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies. <i>Syarikat yang berdaftar sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 yang mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing.</i> 11. A corporation that— <i>Syarikat yang —</i> (a) is a public company under the Companies Act 2016 which is approved by the Securities Commission to be a trustee under the Capital Markets and Services Act and has assets under its management, exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies; or <i>merupakan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 2016 yang diluluskan oleh Securities Commission untuk menjadi pemegang amanah bagi Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini dan mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing; atau</i> (b) is carrying on the regulated activity of fund management solely for the benefit of its related corporations and has assets under its management exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies. <i>menjalankan aktiviti pengelolaan dana yang dibenarkan hanya untuk kepentingan syarikat-syarikat yang berkaitan dan mempunyai aset di bawah pengurusannya melebihi sepuluh juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing.</i> 12. A corporation with total net assets exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies based on the last audited accounts. <i>Syarikat dengan jumlah aset bersih melebihi sepuluh juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing berdasarkan akaun terakhir yang diaudit.</i> 13. A partnership with total net assets exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies. <i>Perkongsian dengan jumlah aset bersih melebihi sepuluh juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing.</i> 14. A statutory body established under any laws whose function or mandate is investment in capital market products. <i>Badan berkanun yang ditubuhkan berdasarkan undang-undang yang fungsi atau mandatnya adalah pelaburan dalam produk pasaran modal.</i> 15. A pension fund approved by the Director General of Inland Revenue under the Income Tax Act 1967. <i>Kumpulan wang persaraan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967.</i>

Category of Investors	Definition
C. High-net worth individuals <i>Individu Bernilai Bersih Tinggi</i>	16. An individual— Individu— (a) whose total net personal assets exceeding three million ringgit or its equivalent in foreign currencies, provided that the net value of the primary residence of the individual contribute not more than one million ringgit of the total net assets; <i>yang jumlah bersih aset peribadinya melebihi tiga juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing, dengan syarat bahawa nilai bersih kediaman utama individu menyumbang tidak lebih daripada satu juta ringgit daripada jumlah aset bersih;</i> (b) whose total net joint assets with— (i) his or her spouse; or (ii) his or her child, exceeding three million ringgit or its equivalent in foreign currencies, provided that the net value of the primary residence of the individual with his or her spouse or child contribute not more than one million ringgit of the total net assets; <i>yang jumlah aset bersama bersih dengan-</i> (i) pasangannya; atau (ii) anaknya, <i>melebihi tiga juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing, dengan syarat nilai bersih kediaman utama individu bersama pasangan atau anaknya menyumbang tidak lebih daripada satu juta ringgit daripada jumlah aset bersih;</i> (c) who has a gross annual income exceeding three hundred thousand ringgit or its equivalent in foreign currencies in the preceding twelve months; <i>yang mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing dalam dua belas bulan sebelumnya;</i> (d) who jointly with his or her spouse or child, has a gross annual income exceeding four hundred thousand ringgit or its equivalent in foreign currencies in the preceding twelve months; or <i>yang, bersama-sama dengan pasangannya atau anaknya, mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi empat ratus ribu ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing dalam dua belas bulan sebelumnya; atau</i> (e) whose total net personal investment portfolio or total net joint investment portfolio with his or her spouse or child, in any capital market products exceeding one million ringgit or its equivalent in foreign currencies. <i>yang jumlah bersih portfolio pelaburan peribadi atau jumlah bersih portfolio pelaburan bersama-sama dengan pasangannya atau anaknya, dalam mana mana produk pasaran modal melebihi satu juta ringgit atau yang setara nilainya dalam mata wang asing.</i> (f) who holds any of the following qualifications and has five consecutive years of relevant working experience in finance, economics, actuarial science or accounting— (i) holds a Bachelor's or Master's degree related to Finance, Economics or Actuarial Science; (ii) holds a Bachelor's or Master's degree in Accounting; or (iii) holds a Master of Business Administration; <i>yang memegang mana-mana kelayakan berikut dan mempunyai lima tahun berturut-turut</i>

	<i>pengalaman kerja yang berkaitan dalam kewangan, ekonomi, sains aktuari atau perakaunan—</i> (i) <i>memegang Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana yang berkaitan dengan Kewangan, Ekonomi atau Sains Aktuari;</i> (ii) <i>memegang ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam Perakaunan; atau</i> (iii) <i>memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan;</i> (g) who holds the following membership in the associations as set out below: (i) Active Member of Chartered Financial Analyst (CFA) Institute; (ii) Chartered Banker of Asian Institute of Chartered Bankers (AICB); (iii) Ordinary Member of Financial Markets Association Malaysia (FMAM); (iv) Chartered Accountant, C.A(M) of Malaysian Institute of Accountants (MIA); (v) Ordinary Member of Malaysia Association of Tax Accountants (MATA); (vi) Accredited Angel Investor of Malaysian Business Angel Network (MBAN); (vii) Certified Member of Financial Planning Association of Malaysia (FPAM); or (viii) Ordinary Member of Malaysian Financial Planning Council (MFPC); or <i>yang memegang keahlian berikut dalam persatuan seperti yang dinyatakan di bawah:</i> (i) <i>Active Member of Chartered Financial Analyst (CFA) Institute;</i> (ii) <i>Chartered Banker of Asian Institute of Chartered Bankers (AICB);</i> (iii) <i>Ordinary Member of Financial Markets Association Malaysia (FMAM);</i> (iv) <i>Chartered Accountant, C.A(M) of Malaysian Institute of Accountants (MIA);</i> (v) <i>Ordinary Member of Malaysia Association of Tax Accountants (MATA);</i> (vi) <i>Accredited Angel Investor of Malaysian Business Angel Network (MBAN);</i> (vii) <i>Certified Member of Financial Planning Association of Malaysia (FPAM);</i> or (viii) <i>Ordinary Member of Malaysian Financial Planning Council (MFPC); or</i> (h) who has five consecutive years of working experience in a capital market intermediary relating to product development, corporate finance, deal advisory, investment management, sales and trading, investment research and advisory, financial analysis, or the provision of training in investment products. <i>yang mempunyai pengalaman kerja lima tahun berturut-turut dalam perantara pasaran modal yang berkaitan dengan pembangunan produk, kewangan korporat, nasihat perjanjian, pengurusan pelaburan, jualan dan perdagangan, penyelidikan dan nasihat pelaburan, analisis kewangan, atau penyediaan latihan dalam produk pelaburan.</i>
--	---

Source: Categories of Sophisticated Investors, as defined in the Guidelines on Categories of Sophisticated Investors gazetted on 5 February 2024,